

Tunku buat sendiri sambal belacan

BH- 1/7/2007

Kak Orkid himpun resipi kegemaran 4 bekas PM dalam Buku Selera Perdana

Oleh Hidayah Mohammad

MENJELANG sambutan kemerdekaan tidak lama lagi, ingatan terhadap empat bekas Perdana Menteri Malaysia (PM) iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamed yang berjaya membawa negara ke mercu kegemilangan pasti mengembalikan nostalgia indah.

Mereka dikenali kerana kewibawaan masing-masing, tetapi pasti ramai juga yang ingin mengetahui personaliti mereka. Bagaimana orangnya secara peribadi? Mungkin ada juga yang tertanya-tanya, apakah makanan kegemaran keempat-empat PM berkenaan?

Adakah mereka seperti golongan berada lain yang gemar menikmati makanan istimewa dan lebih kepada makanan ala-Barat.

Bagi bekas Penolong Penyelia kediaman rasmi keempat-empat PM berkenaan, Safiah Mahmood, 73, atau lebih dikenali sebagai Kak Orkid, selera keempat-empat PM itu berbeza-beza dan sebenarnya makanan hidangan untuk mereka juga begitu ringkas.

Beliau yang mempunyai pengalaman berkhidmat selama 34 tahun di kediaman empat bekas PM itu berkata, perwatakan mereka juga berbeza-beza tetapi mereka tidak pernah cerewet

dalam soal pemakanan.

"Tunku Abdul Rahman mempunyai selera ala-Inggeris. Beliau lebih gemar memakan daging panggang. Tetapi, Tunku suka menikmati makanan tempatan antaranya sambal belacan. Beliau lebih senang menumbuk sendiri sambal belacan dengan menggunakan lesung batu khas miliknya sebelum menghidangkan terus dalam batu tumbuk berkenaan.

"Bagaimanapun, selera Tun Abdul Razak pula berbeza sedikit berikutan perwatakannya juga ringkas. Beliau gemar makanan kampung seperti ikan patin masak tempoyak, ikan kembung goreng dan ulam-ulaman," katanya sambil menceritakan pengalamannya ketika ditemui pada majlis pelancaran Projek Penerbitan Buku Selera Perdana.

Safiah berkata, selera PM ke-3 juga berbeza kerana beliau gemar menikmati hidangan dengan penataan yang formal. Antara makanan yang digemari beliau ialah nasi pilau ayam. Hidangan berkenaan tidak ada di restoran atau kedai makan. Ia kelihatan seperti nasi minyak, tetapi bukan nasi minyak sebenar. Nasi itu dicampurkan dengan hati ayam, pedal, telur goreng yang dipotong kecil dan kismis serta limau barli.

Dr Mahathir pula, tidak suka memakan ikan kecuali ikan kering dan sashimi. Sungguhpun begitu untuk hidangan

berat, Dr Mahathir lebih suka menikmati nasi dal atau nasi daging.

Majlis pelancaran itu diadakan di kediaman bekas menteri wanita pertama, Tun Fatimah Hashim selaku penaung projek berkenaan, di Bukit Pantai, Bangsar, baru-baru ini.

Hadir sama bagi merasmikan pelancaran buku *Selera Perdana* itu ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyumbang sebanyak RM30,000 dan Parlimen kawasannya turut menyumbang RM20,000 bagi melaksanakan projek berkenaan.

Sementara itu, Tun Fatimah berkata, buat pertama kali dalam sejarah penerbitan buku Malaysia, *Selera Perdana* menampilkan rutin pemakanan empat tokoh berkenaan secara eksklusif menerusi pengalaman Safiah yang berkhidmat dengan mereka.

Selain itu, turut dimuatkan dalam buku mewah itu 99 resipi hidangan yang dikumpulkan daripada koleksi Safiah dan temu bual terkini bersama ahli keluarga terdekat keempat-empat PM berkenaan.

Ditanya mengenai ilham yang terceretus menghasilkan buku mewah itu, Tun Fatimah berkata, idea bagi mewujudkan



SELERA: Safiah (kanan) menerangkan kepada Shahrizat mengenai masakan nasi pilau yang menjadi makanan kegemaran Tun Hussien sambil diperhatikan Fadillah (dua dari kanan), Tun Fatimah (duduk dua dari kiri) dan tetamu yang hadir, pada majlis pelancaran projek buku *Selera Perdana*, baru-baru ini.

tatapan rakyat itu timbul selepas beliau pulang daripada jamuan di rumah Safiah.

"Ketika menjamu selera di rumahnya, Safiah menceritakan mengenai makanan kegemaran bekas majikannya yang turut menjadi hidangan bagi tetamu negara.

"Jawatan yang disandang Safiah suatu ketika dulu, kini tidak lagi wujud kerana diambil alih perkhidmatan hospitaliti profesional," katanya.

Tun Fatimah yang bangga dengan perkhidmatan yang diberikan Safiah kemudian meminta aktivis masyarakat, Datin Habibah Yahya dan Fadillah Yakin menulis artikel mengenai pengalaman penolong penyelia kediaman rasmi Perdana Menteri.

Artikel yang mengandungi resipi turut memaparkan mengenai aspek pemakanan peribadi serta keraian keluarga keempat-empat tokoh nombor satu negara itu.

Penerbitan buku *Selera Perdana* dilaksanakan dengan matlamat mengumpul dana untuk membuka dapur latihan kepada anak yatim yang akan mendedahkan mereka dalam bidang penyajian makanan. Keuntungan daripada hasil jualan buku itu akan disalurkan kepada badan amal kebajikan untuk kemajuan kanak-kanak dan wanita di negara ini.

Fadillah yang terbabit sebagai antara penulis berkata, projek penghasilan buku itu sudah pada peringkat akhir

dan dijangka akan dilancarkan pada November ini. Sebanyak 3,000 naskhah dalam bahasa Melayu akan diedarkan dengan harga terhad iaitu RM200 sebuah.

Selain itu, katanya, resit pengecualian cukai juga akan disediakan khas untuk jualan buku berkenaan. Orang ramai boleh membuat pesanan melalui urus setia Projek Selera Perdana di Penthouse, Blok C, Plaza Mont Kiara, No 2, Jalan Kiara, Mont Kiara, 50480 Kuala Lumpur.

Sebarang pertanyaan mengenai buku berkenaan boleh menghubungi nombor telefon 03- 6200 3794 atau faks ke 03-7960 1726 dan e-mel seleraperdana@gmail.com.